

05/01/2003

Batu Putih: KL tidak setuju Singapura pilih Brussels

Wan Jailani Razak

LANGKAWI: Malaysia tidak bersetuju dengan cadangan Singapura memilih Brussels, Belgium sebagai tempat untuk menandatangani perjanjian khas berhubung tuntutan terhadap Pulau Batu Putih untuk dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), akhir bulan ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, walaupun Malaysia bersetuju untuk menandatangani perjanjian itu, beliau mempersoalkan kenapa Singapura mencadangkan tempat yang begitu jauh untuk berbuat demikian.

"Secara dasar kita bersetuju (untuk menandatangani perjanjian khas) tetapi kenapa buat di Brussels. Buat di sini sajalah," kata Perdana Menteri tanpa menjelaskan lokasi sebenar 'di sini' yang dimaksudkannya.

Beliau ditanya mengenai cadangan Singapura supaya perjanjian khas berhubung tuntutan terhadap Pulau Batu Putih untuk dibawa ke ICJ ditandatangani ketika mesyuarat Asean-Kesatuan Eropah (EU) di Brussels, pada 27 atau 28 Januari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditemui pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, petang semalam, sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur. Beliau tiba di sini kelmarin bersama isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah dan dua cucunya untuk lawatan peribadi dua hari.

Dr Mahathir berkata, Malaysia maklum dengan cadangan Singapura itu tetapi ia dilakukan bukan secara bertulis.

"Dia cuma bercakap dengan kita punya orang saja, tidak ada perhubungan secara terus dengan Menteri Luar (Datuk Seri Syed Hamid Albar).

Ketika ditanya mengenai tarikh 27 atau 28 Januari ini yang dicadangkan Singapura untuk kedua-dua negara menandatangani perjanjian khas itu, Dr Mahathir berkata, beliau tidak ada halangan dengan tarikh berkenaan.

Ditanya apa motif Singapura yang mahu perjanjian itu ditandatangani di Brussels, beliau berkata: "Itu saya tidak tahu, kena tanya dialah (Singapura)".

Malaysia dan Singapura yang bertelingkah berhubung kedaulatan Pulau Batu Putih bersetuju pertikaian itu diselesaikan di ICJ.

Bagaimanapun, keengganan dan sikap berdolak-dalik Singapura berhubung tarikh persetujuan perjanjian khas itu ditandatangani mengeruhkan lagi hubungan dua hala yang memang berdepan beberapa isu lain seperti kajian semula harga air.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar semalam dilaporkan berkata, nota mengenai cadangan tarikh itu diterimanya dari Kementerian Luar Singapura, kelmarin.

Katanya, nota berkenaan adalah jawapan balas kepada beberapa tarikh yang dicadangkan Malaysia sehingga September tahun lalu.

Malaysia sebelum ini dilaporkan mencadangkan sehingga tujuh tarikh sejak tahun lalu tetapi ini kali pertama republik itu memberikan maklum balas berhubung tarikh dan tempat perjanjian itu ditandatangani.